


Pengenalan

Buku Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan 2023 mengandungi penyata Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi semua agensi Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2023.

Peruntukan 2023: Agihan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan

Sejumlah RM388.14 bilion diperakukan di bawah Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 2023. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak RM18.80 bilion berbanding Anggaran Perbelanjaan Persekutuan yang sama dibentangkan pada 7 Oktober 2022 bernilai RM369.34 bilion. Bahagian terbesar perbelanjaan berkenaan adalah di bawah Perbelanjaan Bekalan mengambil kira keutamaan Belanjawan 2023 adalah pembaharuan ke arah **“Membangun Malaysia Madani”** berteraskan tonggak utama iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Perbelanjaan Bekalan merupakan antara input utama Kementerian/Jabatan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang pada tahun 2023 berjumlah RM205.75 bilion (53.0%), manakala Perbelanjaan Tanggungan yang merupakan kehendak di bawah Perlembagaan Persekutuan berjumlah RM83.39 bilion (21.5%). Perbelanjaan Pembangunan yang akan menjadi penggerak kepada memperkukuh momentum pemulihan ekonomi bagi 2023 berjumlah RM99.00 bilion (25.5%).


Carta 1 : Agihan Peruntukan Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2023



Peruntukan 2023: Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus

Sejumlah RM289.14 bilion diperuntukkan bagi tahun 2023 untuk menggerak dan melancarkan pelaksanaan program dan aktiviti Kementerian/Jabatan. Perkhidmatan Awam merupakan input terpenting Kerajaan yang bertindak sebagai penggerak utama kepada pelaksanaan program dan aktiviti dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Oleh yang demikian, emolumen Perkhidmatan Awam Persekutuan disediakan peruntukan sebanyak RM90.76 bilion bagi tahun 2023. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap disediakan peruntukan sebanyak RM164.69 bilion di bawah Perbelanjaan Mengurus.


Carta 2 : Agihan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus 2023



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor

Perincian Perbelanjaan Mengurus dipecahkan mengikut sektor yang merangkumi Sektor Pentadbiran, Sektor Ekonomi, Sektor Sosial, Sektor Keselamatan dan Sektor-Sektor Lain yang terdiri daripada Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan. Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 memperuntukkan perbelanjaan terbesar di Sektor Sosial diikuti dengan Sektor-Sektor Lain. Sektor-Sektor Lain turut ditingkatkan peruntukan pada tahun 2023 berbanding tahun 2022. Hal ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk terus menyokong pertumbuhan ekonomi dan memberi tumpuan kepada usaha dan tindakan untuk meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.


Carta 3 : Agihan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor Pentadbiran

Sektor Pentadbiran diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM15.83 bilion dengan agihan kepada empat Sub Sektor seperti di **Carta 4**. Sub Sektor Perkhidmatan-perkhidmatan Am menerima agihan peruntukan tertinggi berjumlah RM12.35 bilion yang melibatkan anggaran peruntukan bagi tujuan penyelarasan, pengurusan dan pentadbiran. Peruntukan ini juga merangkumi perbelanjaan bagi keperluan kelengkapan bangunan bagi keperluan pengoperasian Kementerian/Jabatan.


Carta 4 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Sektor Pentadbiran



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor Ekonomi diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM18.67 bilion dengan agihan kepada sembilan Sub Sektor seperti di **Carta 5**. Sub Sektor Pengangkutan dipertanggungjawabkan dengan peruntukan terbesar di bawah Sektor Ekonomi dengan peruntukan berjumlah RM6.73 bilion bagi perbelanjaan operasi yang melibatkan darat, laut dan udara. Hal ini adalah bertepatan dengan matlamat negara untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang cekap, selamat, inklusif dan mampan. Selain itu, Sub Sektor Pertanian merupakan antara penerima peruntukan terbesar di bawah Sektor Ekonomi dengan peruntukan berjumlah RM3.62 bilion selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengukuhkan sektor pertanian bagi memastikan keterjaminan makanan yang mampan. Kerajaan juga akan menggalakkan pengeluaran produk-produk berasaskan pertanian yang bermutu dan bernilai tinggi bagi peluasan industri sokongan kepada sektor ekonomi secara keseluruhannya.

Carta 5 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Sektor Ekonomi




Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor Sosial

Sektor Sosial diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM109.34 bilion dan melibatkan pengagihan kepada lapan Sub Sektor seperti di **Carta 6**. Pembangunan modal insan pada semua peringkat merupakan tumpuan utama Kerajaan dalam setiap rancangan pembangunan negara dan ini

diterjemahkan melalui pengagihan peruntukan terbesar di bawah Sub Sektor Pelajaran dan Latihan dengan peruntukan berjumlah RM61.46 bilion. Kerajaan memberi penekanan kepada kepentingan akses sejagat untuk pendidikan berkualiti dengan memberi peningkatan tumpuan kepada pendidikan bakat untuk persiapan masa hadapan. Selain itu, Kerajaan masih kekal memberikan tumpuan kepada aspek kesihatan rakyat dengan memberikan perkhidmatan terbaik dan mudahcapai dengan kos yang rendah. Oleh yang demikian, Kerajaan memperuntukkan Sub Sektor Kesihatan dan Kependudukan dengan peruntukan mengurus berjumlah RM28.37 bilion, iaitu peruntukan kedua tertinggi di bawah Sektor Sosial. Hal ini adalah bertepatan dengan fokus Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti bagi menjamin kesejahteraan rakyat.


Carta 6 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Sektor Sosial



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor Keselamatan

Sektor Keselamatan diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM25.98 bilion dengan agihan kepada dua Sub Sektor iaitu Keselamatan Dalam Negeri sebanyak RM14.55 bilion dan Pertahanan RM11.43 bilion seperti di **Carta 7**. Peruntukan bagi Sektor Keselamatan bertepatan dengan peranan Kerajaan untuk memastikan kedaulatan dan keselamatan negara sentiasa dilindungi. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak akan berkompromi dalam hal keselamatan demi memelihara nyawa dan keamanan negara sentiasa terjamin.


Carta 7 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Sektor Keselamatan



Perincian Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Mengikut Sektor-Sektor Lain


Anggaran Perbelanjaan Mengurus yang disediakan untuk Sektor Tanggungan Tertentu dan Sektor Bayaran Pindahan berjumlah RM119.32 bilion seperti di **Carta 8** dan **Carta 9**. Sektor Tanggungan Tertentu diperuntukkan sebanyak RM77.40 bilion. Sub Sektor Perbelanjaan Kerana Hutang Negara menerima agihan peruntukan terbesar berjumlah RM46.10 bilion mengambil kira peningkatan dalam jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2023. Bahagian kedua terbesar ialah bagi Sub Sektor Pencen dan Ganjaran berjumlah RM31.07 bilion.

Carta 8 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Sektor Tanggungan Tertentu



Sektor Bayaran Pindahan diperuntukkan sejumlah RM41.92 bilion dan diagihkan kepada empat Sub Sektor seperti di **Carta 9**. Sub Sektor Bayaran Pindahan Lain menerima peruntukan tertinggi iaitu berjumlah RM38.97 bilion di mana pembayaran bagi menampung subsidi tidak langsung antaranya subsidi produk petroleum ekoran perubahan harga minyak mentah dunia yang merupakan komponen perbelanjaan terbesar di bawah Sub Sektor ini.


Carta 9 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2023 Bayaran Pindahan



Arah Aliran Perbelanjaan Mengurus 2019-2023

Bagi tempoh 2019-2023, arah aliran Perbelanjaan Mengurus (termasuk pindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan) menunjukkan perubahan yang signifikan di antara 2020 hingga 2022 dan meningkat dengan ketara pada tahun 2023 seperti **Carta 10**.

Carta 10 : Arah Aliran Perbelanjaan Mengurus 2019-2023




Nota: 2019-2021 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2022-2023 merujuk kepada peruntukan asal

Perbelanjaan Mengurus 2019-2023 Mengikut Sektor

Perbelanjaan Mengurus dibahagikan kepada Sektor Pentadbiran, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan serta Tanggungan Tertentu dan Bayaran Pindahan. Bagi tempoh 2019-2023, perbelanjaan yang terbesar diagihkan kepada Sektor Sosial iaitu secara purata sebanyak 39.0% diikuti oleh Sektor Tanggungan Tertentu sebanyak 27.2%. Sektor-sektor lain menerima peruntukan seperti di **Carta 11**.

Carta 11 : Peratus Perbelanjaan Mengurus Tahun 2019-2023 Mengikut Sektor




Nota: 2019-2021 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2022-2023 merujuk kepada peruntukan asal

Peruntukan 2023: Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

Sejumlah RM99.00 bilion diperuntukkan di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2023 bagi mendokong matlamat Kerajaan untuk memanfaatkan pemulihan ekonomi global. Pecahan utama Anggaran Perbelanjaan Pembangunan adalah seperti di **Carta 12**.


Carta 12 : Agihan Perbelanjaan Pembangunan 2023



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Mengikut Sektor

Perincian Perbelanjaan Pembangunan dipecahkan mengikut sektor yang merangkumi Sektor Pentadbiran, Sektor Ekonomi, Sektor Sosial, Sektor Keselamatan dan Simpanan Luar Jangka (seperti di **Carta 13**). Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 memperuntukkan perbelanjaan terbesar di bawah Sektor Ekonomi bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti melalui pelbagai projek yang sedang dan akan dilaksanakan sekaligus memperkukuh daya tahan ekonomi negara. Belanjawan 2023 akan terus mengutamakan kesejahteraan rakyat dan pembaharuan ekonomi yang menyokong pertumbuhan.


Carta 13 : Agihan Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan 2023 Mengikut Sektor



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Mengikut Sektor Pentadbiran

Sektor Pentadbiran diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM3.90 bilion dengan agihan kepada dua Sub Sektor seperti di **Carta 14**. Sub Sektor Perkhidmatan-Perkhidmatan Am menerima peruntukan tertinggi berjumlah RM3.36 bilion bagi membiayai projek-projek pengkomputeran dan naik taraf bangunan di Kementerian/Jabatan agar penyampaian perkhidmatan kepada rakyat akan lebih cekap dan teratur.


Carta 14 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Sektor Pentadbiran



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Mengikut Sektor Ekonomi

Sektor Ekonomi diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM55.03 bilion dengan agihan kepada 10 Sub Sektor seperti di **Carta 15**. Kerajaan masih memberi tumpuan kepada pelaksanaan projek-projek kemudahan pengangkutan seperti lebuh raya, pembinaan landasan kereta api dengan peruntukan sebanyak RM17.57 bilion diikuti dengan Sub Sektor Pertanian sebanyak RM3.26 bilion.


Carta 15 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Sektor Ekonomi



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Mengikut Sektor Sosial

Sektor Sosial diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM26.55 bilion dengan agihan kepada sembilan Sub Sektor seperti di **Carta 16**. Sub Sektor Pelajaran dan Latihan menerima peruntukan tertinggi berjumlah RM13.56 bilion selaras dengan tumpuan Kerajaan kepada pembangunan modal insan. Selain itu, Sub Sektor Kesihatan dan Kependudukan turut menjadi tumpuan Kerajaan dengan agihan peruntukan berjumlah RM4.92 bilion. Kerajaan sentiasa peka dan prihatin dalam meningkatkan perkhidmatan sektor kesihatan memandangkan ianya berurusan terus kepada rakyat.


Carta 16 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Sektor Sosial



Perincian Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Mengikut Sektor Keselamatan

Sektor Keselamatan diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM11.52 bilion dengan agihan kepada dua Sub Sektor seperti di **Carta 17**. Sub Sektor Pertahanan menerima peruntukan berjumlah RM6.41 bilion melibatkan projek penyenggaraan berskala besar aset-aset ketenteraan dan perolehan aset-aset ketenteraan. Sub Sektor Keselamatan Dalam Negeri menerima peruntukan bagi membiayai projek-projek antaranya di bawah Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia.

Carta 17 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 Sektor Keselamatan



Simpanan Luar Jangka

Baki Anggaran Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM2.00 bilion disediakan di bawah peruntukan Simpanan Luar Jangka bagi membiayai projek pembangunan yang memerlukan peruntukan tambahan di luar jangkaan.


Komitmen Jaminan dan Liabiliti Kerajaan

Daripada keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan berjumlah RM388.14 bilion, sebanyak RM34.87 bilion diperuntukkan bagi membiayai komitmen jaminan dan liabiliti Kerajaan yang merangkumi bayaran *Public Private Partnership*-Unit Kerjasama Awam Swasta (PPP-UKAS) dan bayaran pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan.

Arah Aliran Perbelanjaan Pembangunan 2019-2023

Arah aliran Perbelanjaan Pembangunan bagi tempoh 2019-2023 meningkat berdasarkan kepada trend pelaksanaan projek/program bagi tahun 2019-2023 seperti di **Carta 18**.

Carta 18 : Arah Aliran Perbelanjaan Pembangunan 2019-2023




Nota: 2019-2021 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2022-2023 merujuk kepada peruntukan asal

Perbelanjaan Pembangunan 2019-2023 Mengikut Sektor

Perbelanjaan Pembangunan dibahagikan kepada Sektor Pentadbiran, Ekonomi, Sosial dan Keselamatan serta Simpanan Luar Jangka. Bagi tempoh 2019-2023, perbelanjaan yang terbesar diagihkan kepada dua sektor iaitu Sektor Ekonomi dan Sektor Sosial. Kerajaan sentiasa memberi keutamaan memperkukuh momentum pemulihan ekonomi, memperkukuh agenda pembangunan mampan serta mewujudkan perlindungan sosial yang lebih baik.

Carta 19 : Peratus Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2019-2023 Mengikut Sektor



Nota: 2019-2021 adalah merujuk kepada perbelanjaan sebenar manakala 2022-2023 merujuk kepada peruntukan asal

Pemetaan Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan kepada Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals – SDG*)

Dalam memastikan proses pelaksanaan SDG dilaksanakan dengan jayanya, Kerajaan meneruskan pemetaan peruntukan Belanjawan 2023 mengikut SDG. Hal ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk memantau pencapaian dan mengenal pasti jurang pembiayaan mengikut SDG selain membantu pencapaian kemajuan Malaysia dalam Agenda Pembangunan Mampan 2030. Merujuk kepada **Jadual 1**, kesemua SDG menerima peningkatan peruntukan pada tahun 2023 kecuali SDG 2 dan SDG 11 yang mengalami pengurangan peruntukan berbanding tahun 2022. SDG 10 berkaitan Pengurangan dan Ketidaksamarataan menerima penambahan yang ketara sejajar dengan tumpuan dasar Kerajaan untuk memastikan kemakmuran ekonomi dinikmati bersama dengan pertumbuhan ekonomi di kalangan isi rumah terendah sebagai sasaran untuk meningkatkan kesejahteraan mereka dari semasa ke semasa. Hal ini bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk membantu golongan rentan agar diberikan perlindungan sosial yang sewajarnya.


Jadual 1 : Agihan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan Mengikut SDG

SDG	2022	2023		
	Peruntukan Asal	Syor	Bahagian	Perubahan
	(RM bilion)	(RM bilion)	(%)	(%)
Matlamat 1 Tiada Kemiskinan	7.3	8.2	2.1	12.3
Matlamat 2 Kebuluran Sifar	5.5	5.3	1.4	(3.6)
Matlamat 3 Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik	37.7	43.4	11.2	15.1
Matlamat 4 Pendidikan Berkualiti	74.5	79.4	20.6	6.6
Matlamat 5 Kesaksamaan Gender	2.7	3.0	0.8	11.1
Matlamat 6 Air Bersih dan Sanitasi	5.3	5.6	1.5	5.7
Matlamat 7 Tenaga Mampu Bayar dan Bersih	3.5	3.8	1.0	8.6
Matlamat 8 Kerja Wajar dan Pertumbuhan Ekonomi	24.0	38.3	9.9	59.6
Matlamat 9 Industri Inovasi dan Infrastruktur	29.8	33.3	8.6	11.7
Matlamat 10 Pengurangan dan Ketidaksamarataan	12.0	51.2	13.3	326.7
Matlamat 11 Bandar dan Komuniti Mampan	24.3	24.0	6.2	(1.2)
Matlamat 12 Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	4.6	4.9	1.3	6.5
Matlamat 13 Tindakan Iklim	3.3	3.8	0.9	15.2
Matlamat 14 Hidupan Dalam Air	2.9	3.2	0.8	10.3
Matlamat 15 Hidupan di Daratan	3.7	3.9	1.0	5.4
Matlamat 16 Keamanan, Keadilan dan Keutuhan Institusi	64.5	69.9	18.1	8.4
Matlamat 17 Kerjasama Demi Matlamat	3.5	4.9	1.3	40.0
JUMLAH KESELURUHAN	309.1	386.1	100.0	24.9

Berdasarkan **Carta 20** pula, agihan terbesar bagi Peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2023 mengikut pemetaan SDG adalah kepada SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) sebanyak 20.6% daripada keseluruhan peruntukan, diikuti dengan SDG 16 (Keamanan, Keadilan dan Keutuhan Institusi) sebanyak 18.1% dan SDG 10 (Pengurangan dan Ketidaksamarataan) sebanyak 13.3%. Peruntukan yang tinggi bagi ketiga-tiga

SDG lebih tertumpu kepada menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti bagi memastikan pembelajaran yang berkesan dengan menyediakan kemahiran dan pengetahuan agar dapat memenuhi aspirasi negara untuk menghasilkan peningkatan daripada segi sosial, ekonomi dan kesihatan seluruh rakyat. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa memberi tumpuan untuk mewujudkan kemudahan asas pembelajaran di setiap peringkat pendidikan sama ada sekolah rendah, menengah ataupun universiti. Selain itu, Kerajaan turut memperkukuhkan sistem kesihatan dengan memberi tumpuan kepada menaiktaraf fasiliti-fasiliti kesihatan agar rakyat dapat menikmati kemudahan dan manfaat sewajarnya.

Carta 20 : Agihan Anggaran Peruntukan 2022 dan 2023 Mengikut SDG




Nota: Tidak termasuk Simpanan Luar Jangka berjumlah RM2 bilion

Sepertimana komitmen Kerajaan dalam meningkatkan kecekapan tadbir urus serta tatakelola yang baik, Kerajaan akan menstruktur semula ekonomi negara berlandaskan kepada tiga keutamaan strategik iaitu membasmi kemiskinan, penyusunan semula ekonomi dan memulih serta menjana ekonomi berteraskan konsep Malaysia Madani.

Anggaran Peruntukan Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Tahun 2023

Pemberian dan bantuan kewangan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri disediakan di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus yang merangkumi 13 jenis pemberian dan bantuan yang dianggarkan berjumlah RM8.36 bilion bagi tahun 2023, meningkat sebanyak 6.8% berbanding tahun 2022 (RM7.79 bilion).

Carta 21 : Agihan Anggaran Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Tahun 2023



(Muka surat ini dibiarkan kosong)